

Persepsi Guru Terhadap Pengaruh Bahasa Ibunda Semasa Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

(Teacher Perceptions of the Influence of the Mother Tongue during Learning and the Teaching of Malay Language among Pupils at Chinese National Type School)

LOW JIE YING¹, WEE XIN HUI², KHOO YU TING³ & NUR FARHANIS FATHIAH ANUARUDDIN⁴

¹*Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chi Sin, Batu Kikir, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia*
g-34520213@moe-dl.edu.my

²*Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hwa Wei Sin, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.*
p-130287@siswa.ukm.edu.my

³*Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Ek Te, Tanjung Kling, Melaka, Malaysia.*
p130165@siswa.ukm.edu.my

⁴*Sekolah Kebangsaan Seri Kepong, Kuala Lumpur, Malaysia.*
p130171@siswa.ukm.edu.my

Dihantar: 01 Januari 2024/ Diterima: 18 Mac 2024

Koresponden e-mel: g-34520213@moe-dl.edu.my

ABSTRAK

Pengaruh bahasa ibunda menjadi salah satu isu yang selalu dibincangkan dalam pengajaran. Dalam sistem pendidikan kebangsaan, Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar di sekolah sama ada di peringkat sekolah rendah, peringkat sekolah menengah mahupun peringkat pengajian tinggi. Oleh itu, kajian ini berhasrat meninjau pengaruh bahasa ibunda dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Teori yang menjadi tunjang kajian ini ialah Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang dijalankan ke atas lima orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di lima buah SJKC di Terengganu. Temu bual digunakan alat pengumpulan data. Data dianalisis secara naratif berdasarkan tema-tema yang ditemui. Dapatan kajian menunjukkan faktor sikap, diri sendiri, masyarakat dan rakan sebaya menjadi pengaruh besar terhadap penggunaan bahasa ibunda semasa belajar Bahasa Melayu dalam kalangan murid etnik Cina di SJKC. Kelima-lima responden bersetuju bahawa faktor keluarga, faktor sikap murid, faktor rakan serta faktor masyarakat mampu mempengaruhi murid dalam menggunakan bahasa ibunda semasa mempelajari Bahasa Melayu. Kesimpulannya, penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan murid etnik Cina di SJKC boleh mempengaruhi mereka mempelajari Bahasa Melayu dengan baik dan berkesan.

Kata Kunci: Pengaruh bahasa ibunda, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, murid etnik Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

ABSTRACT

The influence of the mother tongue is one of the issues that is always discussed in teaching. In the national education system, Malay Language is the language of instruction in schools whether at the primary school level, secondary school level or higher education level. Therefore, this study aims to examine the influence of the mother tongue in the teaching and learning of Malay Language in Chinese National Type Schools (SJKC). The theory that is the backbone of this study is Social Learning Theory by Albert Bandura. This study uses a qualitative approach conducted on five Malay teachers who teach in five SJKC in Terengganu. Interviews are used as a data collection tool. Data were analyzed narrative based on the themes found. The findings of the study show that the factors of attitude, self, society and peers have a great influence on the use of the mother tongue when learning Malay Language among ethnic Chinese students at SJKC. All five respondents agreed that family factors, student attitude factors, friend factors and community factors are able to influence students in using their mother tongue

while learning Malay Language. In conclusion, the use of the mother tongue among ethnic Chinese students at SJKC can influence them to learn Malay Language well and effectively.

Keywords: *Moher tounge, teaching and learning Malay Language, Chinese ethnic student, Chinese National Type School*

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik terdiri daripada masyarakat majmuk yang berbilang kaum. Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini juga mempunyai bahasa ibundanya tersendiri. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2004), definisi bahasa ibunda adalah bahasa yang digunakan sejak kecil. Bahasa ibunda juga merupakan bahasa leluhur sesuatu kelompok etnik. Dalam kenyataan Asmah (1987), terdapat pelbagai bahasa ibunda di Malaysia seperti Bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil. Dialek pula wujud apabila sekelompok manusia mengubah suai bahasa mengikut budaya tempatan. Misalnya terdapat pelbagai dialek dalam Bahasa Melayu seperti dialek Kelantan, dialek Kedah dan dialek Negeri Sembilan. Antara dialek yang terdapat dalam bahasa Cina ialah dialek Kantonis, Hokkien, Hakka, Teochew dan Foochow. Kaum India pula menggunakan bahasa Tamil, Malayalam, Punjabi dan Telugu. Bahasa merupakan alat untuk berkomunikasi bagi setiap individu. Oleh itu, bahasa penting untuk setiap individu mewujudkan interaksi dan fahaman dua hala.

Bahasa ialah salah satu cara yang sangat penting bagi manusia untuk menyampaikan keinginan, kehendak dan meluahkan perasaan hati terhadap individu yang lain. Bahasa juga memainkan peranan penting dalam membantu mencapai matlamat-matlamat tertentu dalam setiap kehidupan, di samping memberi sumbangan yang dominan dalam pengembangan ilmu dan kerjaya seseorang (Alhaadi & Norimah 2019).

Sehubungan dengan itu, Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara dan juga menjadi bahasa rasmi Malaysia. Hal ini telah mengangkat status dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai satu bahasa yang sangat penting dan wajib dikuasai oleh semua rakyat di negara ini tanpa mengira kaum dan bangsa. Menurut Nurhidayah dan Wan Muna Ruzanna (2023), penggunaan Bahasa Melayu perlu wajib dipelajari kerana ia akan menjadi bahasa utama dalam perhubungan setiap ahli masyarakat. Sesuai dengan fungsinya sebagai bahasa komunikasi, Bahasa Melayu telah menjadi bahasa perpaduan untuk menyatukan rakyat berbilang kaum di negara ini secara tidak langsungnya.

Bagi masyarakat yang hidup dalam kepelbagaian kaum dan bangsa, perpaduan merupakan satu perkara yang sangat penting. Negara Malaysia telah memilih Bahasa Melayu untuk menjadi medium perpaduan rakyat. Bahasa ini telah

dipilih disebabkan penuturnya, iaitu bangsa Melayu merupakan bangsa majoriti dan penduduk asal. Maka, Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa utama yang wajib diketahui dan dikuasai oleh setiap warganegara sejak dari peringkat awal lagi Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Dalam sistem pendidikan kebangsaan, Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar di sekolah sama ada di peringkat sekolah rendah, peringkat sekolah menengah mahupun peringkat pengajian tinggi. Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali SJK yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada sub-seksyen ini. Jika bahasa pengantar utama di sesebuah institusi pendidikan adalah selain daripada bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu.

SJK menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar namun begitu Bahasa Melayu wajib dipelajari di sekolah-sekolah ini. Masa yang diperuntukkan untuk belajar Bahasa Melayu di SJK ialah 160 jam setahun bagi Tahap 1, manakala bagi Tahap 2 ialah 128 jam setahun dalam Surat Pekeliling Ikhtisas KPM, Bil 8 Tahun 2016. Tambahan lagi, Bahasa Melayu dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk murid SJK menyatakan bahawa murid perlu menguasai kemahiran berbahasa yang merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (KPM 2017).

Dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu di SJK, guru-guru Bahasa Melayu berdepan dengan cabaran, iaitu murid bukan penutur natif mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Menurut Dayang Sufikawani dan Wan Muna Ruzanna (2017), isu yang turut menjadi perbualan dalam pendidikan di negara kita adalah isu penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam proses PdP Bahasa Melayu di SJK. Dalam konteks ini, Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua bagi murid Cina dan India yang bersekolah di SJK dan lazimnya mereka menggunakan bahasa ibundanya sebagai bahasa pengantar di sekolah dalam PdP Bahasa Melayu. Nora'azian (2018) menyatakan bahawa dalam proses pendidikan

Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, sasarannya adalah kepada pembinaan biasanya berbahasa yang baru iaitu membina tabiat berbahasa dalam bahasa kedua di samping kemahiran bahasa pertama telah dikuasai. Oleh itu, murid di SJK perlu diberikan persediaan secukupnya agar mereka mempunyai asas penguasaan yang kukuh dalam Bahasa Melayu. Dengan asas penguasaan Bahasa Melayu yang kukuh, barulah mereka dapat menggunakan bahasa ini dengan efektif dalam pembelajaran ataupun komunikasi (Tan & Ruslin 2018). Kegagalan dalam penguasaan Bahasa Melayu akan menyebabkan mereka tercicir daripada proses peringkat pengajian lebih tinggi.

Justeru, penggunaan Bahasa Melayu dalam PdP untuk murid pelbagai latar sosial perlu diberi perhatian oleh semua kerana Bahasa Melayu adalah bahasa pengantar di semua institusi Pendidikan di negara ini. Maka dengan itu, satu kajian perlu dilakukan untuk mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada penguasaan bahasa pengantar Bahasa Melayu murid Cina yang rendah. Hal ini

kerana faktor yang mengganggu proses PdP Bahasa Melayu penting untuk dikenal pasti agar penguasaan bahasa kedua ini dapat dipertingkatkan (Haizah & Norazana 2022). Penguasaan bahasa kedua ini akan terhalang sekiranya setiap gangguan tidak ditangani dengan baik.

Oleh itu, adalah penting untuk mengenal pasti faktor-faktor penyebab isu ini supaya tindakan-tindakan yang selanjutnya dapat diambil oleh pihak yang berkenaan untuk meningkatkan pencapaian penguasaan Bahasa Melayu murid Cina. Selaras dengan itu, pemartabatan Bahasa Melayu dalam pendidikan perlu dimantapkan kepada semua murid kerana penguasaan Bahasa Melayu adalah simbolik nilai jati diri dan patriotisme rakyat Malaysia. Selaras dengan kenyataan Nur Fatin (2017) menyatakan bahawa bahasa pengantar yang berkesan akan menjadikan sebuah komunikasi itu sangat bermakna kerana kedua-dua pihak serta mampu memahami dan dapat mencapai persetujuan bersama.

DASAR KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pelbagai dasar telah disusun oleh pihak KPM untuk memastikan bahasa kebangsaan, iaitu Bahasa Melayu dapat dimartabatkan dalam bidang pendidikan di negara ini. Pelaksanaan pelbagai program disegenap bahagian telah membuktikan betapa seriusnya usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu terlaksana dengan jayanya sekali gus dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Umum mengetahui bahawa aspek penguasaan Bahasa Melayu bukan masalah yang serius bagi penutur natif masyarakat Melayu. Namun, hal ini adalah sebaliknya bagi golongan bukan penutur natif seperti kaum India, Cina dan lain-lain kaum di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan telah dilaksanakan sejak sekian lama. Sebelum merdeka, Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Penyata Razak (1956) telah menetapkan bahawa kanak-kanak berlainan bangsa perlu mempelajari isi kandungan kurikulum yang sama di Malaysia. Walaupun SJK dapat menggunakan bahasa vernakular sebagai bahasa pengantar, Bahasa Melayu tetap merupakan subjek teras yang penting. Murid-murid SJK yang tidak dapat menguasai Bahasa Melayu dengan tahap memuaskan perlu mengikuti kelas peralihan apabila memasuki sekolah menengah untuk mengukuhkan mata pelajaran Bahasa Melayu mereka.

Sejak pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan pada dekad 1970-an, taraf Bahasa Melayu telah meningkat menjadi bahasa yang penting dan perlu dikuasai oleh semua golongan terutama murid-murid di sekolah. Pengajaran Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan kemudian melalui zaman Kurikulum

Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pada 1980-an. Selanjutnya, pelaksanaan KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) pada 2011 dan KSSM (Kurikulum Standard Sekolah Menengah) mulai tahun 2017 telah membawa perubahan yang penting kepada penekanan dalam PdP Bahasa Melayu.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM 2013) memberi fokus kepada pemartabatan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan iltizam untuk melahirkan murid dengan kemahiran dwibahasa, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Penguasaan bahasa membolehkan anak-anak Malaysia yang dilahirkan dalam masyarakat majmuk lebih memahami antara satu sama lain dan meningkatkan daya saing mereka dalam pasaran pekerjaan sama ada di dalam mahupun luar negara. Berdasarkan PPPM 2013-2025, dalam aspirasi kemahiran dwibahasa, berharap bahawa:

...setiap kanak-kanak akan menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan serta bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa sekurang-kurangnya pada tahap minima. Dengan tahap penguasaan bahasa ini selepas menamatkan persekolahan, murid sepatutnya berupaya menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam persekitaran kerja. Di samping itu, Kementerian akan menggalakkan semua murid mempelajari bahasa lain sebagai bahasa tambahan (PPPM 2013-2015, KPM 2013)

Berikutan itu, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dibina berasaskan enam

tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Literasi Sains dan Teknologi; Fizikal dan Estetika; dan Keterampilan Diri. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang seimbang, berpengetahuan dan berketerampilan. DSKP Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang ditetapkan oleh KPM untuk murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) menetapkan bahawa murid perlu menguasai kemahiran berbahasa yang merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (KPM 2003) menggariskan tiga kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh murid di peringkat sekolah rendah. Kemahiran-kemahiran berbahasa tersebut adalah kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran-kemahiran berbahasa ini turut diambil berat dalam menzahirkan matlamat kerajaan untuk

mewujudkan pendidikan berkualiti untuk semua rakyat (Zamri 2020).

Zamri (2014) menyatakan bahawa isu dalam bahasa tidak pernah lekang bermula daripada Laporan Fenn Wu (1951) hinggalah wujudnya Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 (KPM 2006) dan PPPM 2013-2025 (KPM 2013). Hal ini menunjukkan kerajaan tidak pernah mengabaikan usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu di negara ini. Dokumen tersebut digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian. Justeru, guru-guru Bahasa Melayu perlu memainkan peranan penting bagi meningkatkan kemahiran berbahasa murid-murid SJK bagi mencapai matlamat ini. Guru Bahasa Melayu harus mengenal pasti dan menentukan sasaran kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid agar keupayaan dalam kemahiran Bahasa Melayu dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

PERNYATAAN MASALAH

Pendidikan di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran, termasuk pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. Terdapat banyak isu yang berlaku dalam murid penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Isu pertama ialah ibu bapa yang tidak memberi sokongan dan perhatian terhadap penguasaan Bahasa Melayu anak sendiri. Mereka juga jarang mengajar anak mereka untuk menggunakan Bahasa Melayu walaupun mereka tahu kepentingan menguasai Bahasa Melayu. Hal ini konsisten dengan pendapat Mairin et al. (2020) dan Nurhidayah dan Wan Muna Ruzzana (2023) yang membuktikan murid tidak dapat menguasai kemahiran Bahasa Melayu dan mendapat keputusan yang baik disebabkan kekurangan perhatian dan sokongan daripada ibu bapa.

Sikap negatif murid bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu juga merupakan cabaran yang serius. Berdasarkan kajian Nurhidayah dan Wan Muna Ruzzana (2023), murid SJKC menunjukkan sikap yang negatif dan tidak minat dalam PdP Bahasa Melayu. Mereka bersikap lewa kerana tidak berasa pembelajaran Bahasa Melayu adalah penting. Perkara ini juga disokong oleh Slyvester et al. (2020). Menurut Noradilah dan Lai (2019), penyertaan murid adalah amat penting bagi menjamin kejayaan sesuatu proses PdP. Murid yang melibatkan diri secara aktif mampu meningkatkan penguasaan dan pencapaian mereka dalam sesuatu mata pelajaran.

Kecenderungan murid untuk bergaul dengan kaum sendiri dan enggan berBahasa Melayu turut menyumbang kepada penguasaan Bahasa Melayu yang lemah dalam kalangan murid bukan penutur natif. Kajian Suresh Kumar (2014) menunjukkan

bahawa murid sekolah menengah Kedah dan Perak lebih selesa untuk bergaul dengan rakan daripada etnik yang sama berbanding merentasi etnik. Dari segi pemilihan bahasa, murid Cina dan Melayu mengatakan bahawa mereka banyak menggunakan bahasa ibunda masing-masing ketika berinteraksi dengan rakan di bilik darjah, manakala murid India menyatakan bahawa mereka lebih banyak menggunakan Bahasa Melayu ketika berinteraksi dengan rakan di bilik darjah kerana mungkin komposisi mereka agak kurang lalu mendorong persahabatan merentasi etnik. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa ketidakfasihan murid Cina menghalang interaksi murid menggunakan Bahasa Melayu semasa komunikasi dengan murid lain. Terdapat juga murid bukan Melayu yang berasa malu apabila menggunakan Bahasa Melayu kerana tidak membiasakan diri untuk bertutur dalam bahasa tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu mempengaruhi tahap keyakinan mereka untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan dari etnik lain serta menimbulkan perasaan tidak selesa apabila berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Melayu.

Akhir sekali, murid bukan penutur natif tidak mempunyai persekitaran pembelajaran Bahasa Melayu yang kondusif di rumah. Murid bukan penutur natif lebih terdedah menggunakan bahasa ibunda semasa berkomunikasi dengan orang lain. Mereka juga tidak mempunyai sumber pembelajaran Bahasa Melayu. Perkara ini disokong oleh Chew (2016) yang menyatakan murid Cina tidak mempunyai buku Bahasa Melayu di rumah mereka. Hal ini menyebabkan mereka kurang membaca buku Bahasa

Melayu. Berdasarkan kajian Haizah dan Norazana (2022), didapati murid India yang mempunyai latar belakang keluarga, sosioekonomi yang sederhana dan tahap intelektual yang lemah mempunyai kecenderungan yang tinggi kepada pengaruh bahasa ibunda terhadap kemahiran bertutur Bahasa Melayu. Mereka jarang bertutur menggunakan Bahasa Melayu dalam kehidupan.

Untuk mengatasi cabaran ini, kerjasama yang erat antara pihak sekolah dan ibu bapa adalah penting.

KAJIAN TENTANG PENGARUH BAHASA IBUNDA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Berdasarkan kajian Faridah (2023), penggunaan Bahasa Melayu kini sudah begitu meluas sama ada di dalam sekolah atau pun di luar. Namun begitu, masih terdapat sebilangan murid di negara ini yang masih dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka dalam pembelajaran Bahasa Melayu khususnya masyarakat bukan Melayu. Hal ini demikian, Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada masyarakat yang majmuk dan kepelbagaian tersebut telah menyebabkan kehadiran pelbagai bahasa yang digunakan dalam kehidupan seharian setiap individu. Perkara ini secara tidak langsung mempengaruhi pertuturan murid-murid orang Asli suku kaum Temuan juga kerana beliau mendapati mereka mempunyai kecenderungan untuk mencampurkan elemen bahasa Temuan dalam pertuturan ketika PdP Bahasa Melayu dijalankan.

Oleh itu, satu kajian telah dilaksanakan oleh beliau untuk meneliti pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid-murid suku kaum Temuan ketika pembelajaran Bahasa Melayu dijalankan. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga pengaruh bahasa ibunda yang terdapat dalam pertuturan murid antaranya ialah unsur kelainan bunyi, unsur dialek atau bahasa lain serta fenomena campur kod bahasa Temuan dan Bahasa Melayu pada peringkat perkataan dan frasa. Dalam pada itu, aspek-aspek ekstralinguistik yang mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda dalam pertuturan murid-murid suku Temuan pula ialah umur, jantina dan kumpulan etnik serta kefasihan murid-murid berbahasa Melayu.

Ahmed Hafizainol dan Karim (2020) telah menjalankan satu kajian mengenai penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Pondok Bantan di Thailand. Menurut pengkaji, sebilangan besar pelajar ini berasal daripada bangsa Melayu, namun mereka sering menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa komunikasi seharian dan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang wajib untuk dipelajari bagi setiap pelajar di pondok, namun proses PdP subjek ini tidak dijalankan sebagai satu mata pelajaran seperti di sekolah, sebaliknya hanya diajar bersama dengan ilmu agama Islam. Dalam kajian ini, pengkaji menyatakan bahawa pengaruh bahasa ibunda dalam pembelajaran Bahasa Melayu adalah disebabkan oleh latar belakang mereka

Setiap pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam perancangan program-program dan aktiviti yang menyemai kecintaan terhadap Bahasa Melayu. Ibu bapa perlu memberi sokongan dan memberi keutamaan kepada bahasa kebangsaan. Dengan usaha bersama, kualiti pembelajaran Bahasa Melayu dapat ditingkatkan dalam kalangan murid Cina di SJK.

dan sistem pendidikan Thailand yang menjadikan bahasa Thai sebagai bahasa pengantar utama dalam kehidupan seharian.

Penggunaan bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu di SJK amat berleluasa dan merupakan penyebab utama kepada pencapaian yang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di SJK. Chew (2016) berpendapat penguasaan murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap yang kurang memuaskan terutama bagi murid yang bukan penutur jati Bahasa Melayu. Kajian ini melihat persepsi murid Cina terhadap pembacaan buku dan sebutan dalam Bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa PdP Bahasa Melayu di sekolah rendah harus diperbaiki agar dapat membantu murid-murid menguasai Bahasa Melayu. Dalam mempelajari bahasa kebangsaan kita, Bahasa Melayu, sikap dan murid harus berada di tahap yang baik dalam menguasai Bahasa Melayu itu sendiri. Sekiranya murid berkeinginan untuk mempelajari bahasa kedua dengan bersungguh-sungguh, murid mampu menguasainya seperti murid lain yang menggunakannya sebagai bahasa utama dalam kehidupan seharian. Hal ini selaras dengan persoalan kajian yang memfokuskan pengaruh sikap murid terhadap penggunaan bahasa ibunda dalam PdP Bahasa Melayu.

Kajian daripada Chew (2023) menyatakan bahawa murid Cina menghadapi masalah dalam mempelajari Bahasa Melayu. Kenyataan tersebut jelas menunjukkan apabila tercatat tahap pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Kepong, Kuala Lumpur berada pada tahap rendah. Namun begitu, persepsi murid sekolah rendah terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu adalah sederhana manakala sikap mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Bahasa kedua, iaitu bahasa Cina boleh digunakan dalam PdP Bahasa Melayu hanya untuk menerangkan dengan lebih terperinci bagi meningkatkan kefahaman murid dan bukannya digunakan secara menyeluruh. Hal ini adalah bagi menggalakkan penggunaan bahasa kedua yakni Bahasa Melayu dalam PdP di sekolah. Guru berperanan besar dalam memastikan wujudnya persekitaran yang sedemikian. Selaras dengan objektif kajian ini yang ingin mengkaji persepsi guru terhadap

penggunaan bahasa ibunda dalam PdP Bahasa Melayu di SJKC.

Pengaruh kuat bahasa ibunda memberi cabaran besar kepada murid Cina dalam pembelajaran Bahasa Melayu dengan berkesan. Di Malaysia, murid bukan Melayu telah didedahkan dengan bahasa ibunda mereka sejak lahir (Khairul Nizam 2017). Pengaruh dialek yang kuat turut memberi kesan terhadap kesilapan dalam pertuturan mereka. Menurut Mohd Saiful dan Nor Azwahanum (2021), sekiranya gangguan bahasa ibunda atau bahasa dialek tidak ditangani dengan berkesan, maka penguasaan mereka terhadap Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua memang akan terjejas. Akibatnya, pencapaian murid Cina dalam pembelajaran Bahasa Melayu akan terjejas disebabkan cabaran yang dihadapi untuk menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Pernyataan ini disokong oleh Mohamad Yazid (2016) yang mengatakan bahawa pengaruh bahasa ibunda merupakan punca utama yang menjejaskan prestasi Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu. Kajian Chew (2016) pula membuktikan bahawa punca yang menghalang murid Cina di SJKC kurang mengaplikasikan penggunaan Bahasa Melayu dalam pertuturan adalah disebabkan oleh bahasa pengantar di SJKC yang menggunakan bahasa Cina. Hal demikian, murid bukan sahaja bertutur bahasa ibunda di sekolah malah lagi sepenuhnya dituturkan di rumah. Oleh itu, penggunaan Bahasa Melayu oleh murid-murid Cina hanya berlaku di sekolah dan berkemungkinan cuma berlaku sahaja pada sesi PdP Bahasa Melayu.

Kajian daripada Nurhijrah et al. (2019) mengkaji mengenai penggunaan Bahasa Melayu dalam PdP Sejarah dan cabaran guru-guru yang mengajar pelbagai etnik. Hasil dapatan mendapati bahawa responden kajian ini mengakui bahawa penggunaan bahasa ibunda dalam PdP mata pelajaran merupakan satu kelebihan yang mana murid akan lebih faham dan interaksi dua hala semasa PdP antara guru dan murid lebih berkesan. Namun begitu, menurut responden juga, guru menggunakan laras bahasa yang sesuai untuk menerangkan PdP kepada murid agar lebih memahami konteks dan tidak selaras dengan penyediaan soalan dalam standard Bahasa Melayu sebenar. Penyediaan soalan dalam standard Bahasa Melayu yang sebenar boleh mengelirukan murid

dalam menjawab soalan. Dalam situasi ini, penggunaan bahasa kedua untuk membolehkan murid menjawab soalan boleh dilakukan oleh guru yang bertugas semasa ujian. Hal ini menegaskan lagi kajian yang ingin dikaji untuk melihat persepsi guru dalam penggunaan bahasa ibunda bagi mata pelajaran Bahasa Melayu pula di SJKC.

Kajian daripada Haizah dan Norazana (2022) mengkaji mengenai pengaruh bahasa ibunda dan ciri-ciri komunikasi terhadap kemahiran bertutur dalam kalangan murid India di sebuah sekolah rendah. Hasil kajian mendapati bahawa latar belakang keluarga, sosioekonomi sederhana dan tahap intelektual yang rendah mempengaruhi penggunaan laras bahasa murid India, iaitu menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi seharian. Kesannya murid tidak mempunyai banyak kosa kata dan mengakibatkan komunikasi mereka dalam Bahasa Melayu terhad. Hal ini turut memberi kesan dalam PdP yang dijalankan di sekolah, yang mana murid akan cenderung untuk menggunakan bahasa ibunda atau bahasa komunikasi harian di dalam bilik darjah walaupun PdP tersebut adalah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini mengakibatkan tiada ruang untuk mengamalkan bahasa kedua yakni Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, kajian yang ingin dijalankan berfokus untuk melihat bahasa komunikasi atau bahasa ibunda yang digunakan oleh murid di SJKC semasa PdP Bahasa Melayu.

Akhir sekali, kajian daripada Sylvester et al. (2020) mengkaji mengenai penguasaan kemahiran bahasa dalam kalangan murid bukan penutur natif di Bintulu, Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan aras pembacaan murid tersebut berada pada tahap pemahaman teks sahaja. Hal ini bermaksud mereka lebih sukar untuk membuat interpretasi yang mendalam dan sukar menunjukkan bukti kefahaman terhadap teks naratif. Kelemahan murid bukan penutur natif dalam menguasai kemahiran membaca Bahasa Melayu akan menjejaskan asas pembacaan dan tahap kefahaman membaca teks secara tidak langsung. Murid yang lemah dalam Bahasa Melayu juga menjadikan mereka kurang minat mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, jelaslah bahawa minat dan motivasi murid dapat mempengaruhi prestasi mereka dalam Bahasa Melayu.

TEORI DAN KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN


Teori pembelajaran sosial oleh Albert Bandura dipilih sebagai model kajian kerana teori ini melihat pembentukan tingkah laku individu yang boleh dipelajari dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semula jadi dalam diri individu. Teori ini juga memperlihatkan pengaruh-pengaruh sedar dan penentu-penentu sosial ke atas personaliti individu. Dalam Teori Pembelajaran Kognitif Sosial Bandura oleh Bandura (1986) menegaskan bahawa manusia mempunyai tiga elemen yang saling berhubungkait

iaitu tingkah laku, faktor kognitif dan faktor persekitaran seperti Rajah 1.

Rajah 1 menunjukkan bahawa tindakan manusia adalah hasil daripada interaksi antara tiga aspek di atas. Lingkungan persekitaran individu seperti ibu bapa, rakan sebaya, guru dan masyarakat akan mempengaruhi kognitif individu dan mempengaruhi tingkah lakunya. Tingkah laku manusia seterusnya juga akan mempengaruhi hubungan antara individu dengan persekitaran. Ketiga-tiga aspek ini saling

bergantung dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Selaras dengan itu, pendekatan Teori Pembelajaran Sosial ini adalah sesuai untuk mengenal


pasti faktor-faktor sosial yang mempengaruhi bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di SJKC.



RAJAH 1: Teori Pembelajaran Kognitif Sosial
Sumber: Bandura, E. (1986).

Kerangka konsep sangat penting kerana berfokus kepada isu yang ingin dikaji. Kerangka konseptual kajian seperti Rajah 2 menunjukkan pengaruh bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu

dalam kalangan murid Cina di SJKC sebagai pemboleh ubah bersandar dan faktor-faktor sosial seperti keluarga, sikap sendiri, rakan dan masyarakat sebagai pemboleh ubah tidak bersandar.



RAJAH 2: Kerangka konseptual

Menurut Alhaadi Ismail dan Norimah (2019) bahasa dikategorikan kepada bahasa pertama dan bahasa kedua. Hal ini kerana, manusia boleh memperoleh lebih daripada satu bahasa dalam kehidupannya. Bahasa pertama sudah pun tersedia ada yang diperoleh daripada ibu yang dikenali sebagai bahasa ibunda, bahasa yang sudah dipelajari sejak bayi lagi dan bahasa itu diproses tanpa dirancang. Bahasa kedua adalah bahasa yang dianggap asing bagi seseorang individu untuk mengetahui dan menguasai dengan baik. Senario ini selaras dengan Teori Pembelajaran Sosial Bandura, iaitu pemerolehan bahasa kedua oleh murid bukan penutur natif boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial seperti keluarga, sikap sendiri, rakan dan masyarakat. Teori ini juga mempunyai kepentingan yang meminta individu untuk memilih persekitaran yang positif mempengaruhinya untuk menguasai Bahasa Melayu. Hal ini kerana, segala tingkah laku yang ditunjukkan

dalam persekitarannya mestilah tingkah laku yang boleh dicontohi oleh individu itu sendiri.

Dalam PdP mata pelajaran Bahasa Melayu, murid-murid Cina di SJK akan mengalami proses pembelajaran bahasa kedua dan peralihan penggunaan bahasa harian daripada bahasa ibunda (Tan 2021). Kedua-dua proses ini bukanlah mudah kerana mereka masih berada pada peringkat awal pembelajaran dan belum dapat menguasai kemahiran Bahasa Melayu sepenuhnya. Pengaruh faktor-faktor sosial yang masih kuat juga berada dalam lingkungan umur kanak-kanak. Zuraini (2018) menjelaskan proses pembelajaran bahasa kedua biasanya berlaku dalam pendidikan yang lebih formal. Hal ini kerana, kemahiran berbahasa kedua adalah kemahiran tambahan, iaitu satu kemahiran baharu. Murid bukan penutur natif terpaksa mengharungi cabaran tambahan dalam penguasaan Bahasa Melayu dan memerlukan usaha berganda untuk menguasai Bahasa Melayu. Kajian Nora'Azian dan Fadzilah (2018) yang

mendapati bahawa gangguan bahasa ibunda merupakan faktor yang menyebabkan murid bukan penutur natif melakukan kesalahan dalam pembelajaran kemahiran asas bahasa, termasuk kemahiran bertutur. Gangguan ini juga yang dipengaruhi oleh persekitaran sosial untuk membentuk pembiasaan berbahasa.

Nora'azian (2018) berpendapat bahawa penyelidikan berkaitan kecekapan Bahasa Melayu penting dijalankan dengan memfokuskan murid di sekolah rendah bagi menyediakan satu landasan awal dalam kalangan murid yang pelbagai bangsa di Malaysia. Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seharusnya dijadikan bahasa utama

sebagai lambang dan jati diri rakyat Malaysia. Kesemua pihak hendaklah memberikan kerjasama yang serius untuk memastikan martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan terus terpelihara. Chew dan Mohamad Adham (2022) juga menyatakan bahawa pelaksana dalam sistem pendidikan juga perlu menggandakan usaha untuk menterjemahkan dasar dan strategi pengukuhan penguasaan Bahasa Melayu dalam bentuk pelaksanaan yang paling berkesan. Ketekalan dan cecal dalam usaha untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, intelektual dan bahasa tamadun adalah perlu supaya ia mampu membentuk kemajuan Malaysia dalam acuan kita sendiri.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pengaruh bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJKC. Berdasarkan tujuan kajian ini, kajian ini dapat mencapai objektif kajian seperti yang berikut:

1. Meneroka faktor keluarga dalam PdP Bahasa Melayu di SJKC.

2. Meneroka faktor sikap sendiri dalam PdP Bahasa Melayu di SJKC.

3. Meneroka faktor rakan dalam PdP Bahasa Melayu di SJKC.

4. Meneroka faktor masyarakat dalam PdP Bahasa Melayu di SJKC.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Reka bentuk kualitatif sesuai digunakan dengan kajian yang bersifat penerokaan. Dengan terperinci, pengkaji ingin meninjau peranan dialek dalam pengajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu dengan lebih mendalam. Hal ini selaras dengan pendapat Kamarul Azmi (2012) yang menyatakan bahawa pengkaji kualitatif dapat menyelami semua situasi dengan mudah kerana berada di situasi yang sebenar. Rasional penggunaan kaedah kualitatif adalah untuk mendapat data yang lagi terperinci tentang cabaran dan cadangan penyelesaian gangguan dialek tersebut.

Kaedah persampelan bertujuan digunakan supaya peserta kajian yang dipilih mempunyai ciri-ciri tertentu yang telah ditetapkan. Menurut Creswell (2012), kaedah persampelan bertujuan digunakan supaya peserta kajian yang dipilih mempunyai ciri-ciri tertentu yang telah ditetapkan. Dari segi pemilihan jumlah responden, jumlah responden yang besar menyukarkan pengkaji kerana data yang dilaporkan mungkin tidak cukup mendalam dan pandangan hanya dapat dihasilkan sepintas lalu. Peserta kajian kajian yang terlibat ialah lima orang guru kaum Melayu yang mengajar Bahasa Melayu di SJKC di

lima daerah di Terengganu. Lokasi ini dipilih kerana murid di sana biasanya mempunyai latar belakang keluarga yang sentiasa menggunakan bahasa Cina dalam persekitaran rumah dan sekolah.

Kaedah temu bual separa struktur yang bersifat fleksibel sebagai instrumen utama kajian ini. Kaedah temu bual digunakan untuk mengumpul data daripada peserta kajian dalam bentuk lisan. Informasi yang diperoleh membolehkan pengkaji menghuraikan maklumat yang difikirkan sesuai. Temu bual dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi *WhatsApp*. Soalan temu bual dibina dahulu sebelum protokol temu bual dilaksanakan.

Data dianalisis berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, transkripsi temu bual disusun semula melalui temu bual yang dijalankan secara atas talian. Data temu bual dianalisis dan dikategorikan kepada tema dan subtema yang dikenal pasti melalui transkripsi tersebut. Setelah proses pengkategorian selesai, hasil dapatan kajian akan disusun mengikut tema dan subtema yang relevan sebelum aktiviti pelaporan hasil kajian dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Bahasa Melayu di SJKC. Temu bual ini dilakukan kepada lima orang guru Bahasa Melayu SJKC di Bahasa Melayu di SJKC. kajian ini menggunakan kaedah temu bual untuk mengupaskan isu pengaruh bahasa ibunda dalam PdP lima daerah di negeri Terengganu bagi mengetahui isu pengaruh bahasa

ibunda dalam PdP Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC di Terengganu.

Bagi mendapatkan data dalam keadah temu bual, pengkaji telah menggunakan aplikasi *WhatsApp* untuk menjalankan temu bual ini. Soalan dikemukakan kepada PK melalui *WhatsApp* manakala PK memberi respon terhadap soalan yang dikemukakan secara

penulisan dan dihantarkan melalui *WhatsApp*. Soalan yang dikemukakan dalam temu bual adalah seperti berikut:

1. Apakah opsyen guru?
2. Berapa lamakah guru mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu?
3. Bagaimanakah faktor keluarga mempengaruhi murid menggunakan bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu?
4. Bagaimanakah faktor sikap murid mempengaruhi murid menggunakan bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu?
5. Bagaimanakah faktor rakan mempengaruhi murid menggunakan bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu?
6. Bagaimanakah faktor masyarakat mempengaruhi murid menggunakan bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu?

DAPATAN KAJIAN

Demografi Peserta Kajian

Jadual 2 menunjukkan kod PK di mana PK1 merupakan guru dari SJKC Chung Hwai Wei Sin, Kuala Terengganu. PK2 merupakan guru dari SJKC Chong Hwa Wakaf Tapai, Marang. PK3 merupakan guru dari SJKC Chung Hwa, Jerteh. PK3 merupakan guru dari SJKC Sin Chone, Dungun. PK5 yang merupakan guru Bahasa Melayu dari SJKC Chukai,

Kemaman. Kelima-lima PK merupakan guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu di sekolah-sekolah yang menjadi lokasi kajian. PK2, PK3, PK4 mempunyai pengalaman mengajar subjek Bahasa Melayu kurang dari 10 tahun, manakala PK1 dan PK5 mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun.

JADUAL 2: Latar belakang PK

Peserta Kajian	Kod	Sekolah	Daerah	Pengalaman Mengajar
Peserta Kajian 1	PK 1	SJK (C) Chung Hwa Wei Sin	Kuala Terengganu	17 tahun
Peserta Kajian 2	PK 2	SJK Chong Hwa Wakaf Tapai	Marang	8 tahun
Peserta Kajian 3	PK 3	SJK (C) Chung Hwa Jerteh	Jerteh	3 tahun
Peserta Kajian 4	PK 4	SJK (C) Sin Chone	Dungun	7 tahun
Peserta Kajian 5	PK 5	SJK (C) Chukai	Kemaman	12 tahun

Faktor Keluarga

Bagi objektif pertama, iaitu meneroka faktor keluarga dalam pengaruh bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu di SJKC, kelima-lima PK telah menyatakan bahawa faktor keluarga memang akan mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda dalam PdP terutamanya pengaruh daripada ibu bapa. Berdasarkan Jadual 3, PK1 menyatakan bahawa keluarga merupakan unsur penting dalam penggunaan bahasa ibunda semasa sesi PdP Bahasa Melayu. Bahasa ibunda kerap digunakan dalam situasi murid kerana paling yakin dan selesa semasa menggunakan bahasa ibunda.

- *Keluarga memainkan unsur penting dalam penggunaan bahasa ibunda semasa pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu. Bahasa ibunda merupakan bahasa yang paling kerap digunakan di situasi sebenar dan murid-murid paling yakin dan selesa semasa menggunakan bahasa ibunda. (PK1)*

PK2 pula menyatakan bahawa pengaruh ahli keluarga yang menyebabkan murid-murid

menggunakan bahasa ibunda semasa berkomunikasi pada setiap masa telah mengakibatkan mereka tidak mahir untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu.

- *...ahli keluarga mereka sering bertutur dalam bahasa ibunda sahaja. Mereka tidak menggalakkan anak-anak mereka untuk bertutur dalam bahasa lain. (PK2)*

PK3 menyatakan bahawa sikap ibu bapa yang tidak mementingkan Bahasa Melayu juga merupakan salah satu faktor murid lebih gemar menggunakan bahasa ibunda semasa berkomunikasi.

- *Keluarga mereka juga tidak menggalakkan murid menggunakan Bahasa Melayu semasa melakukan aktiviti harian....ibu bapa juga menunjukkan sikap tidak mementingkan mata pelajaran Bahasa Melayu. (PK3)*

JADUAL 3: Faktor keluarga

Faktor Keluarga	Peserta Kajian					Kekerapan
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	
Penggunaan bahasa ibunda menyebabkan murid berasa yakin dan selesa menggunakan Bahasa ibunda	/	-	-	-	-	1
Pengaruh ahli keluarga menyebabkan murid menggunakan Bahasa ibunda dalam berkomunikasi	-	/	/	-	-	2
<ul style="list-style-type: none"> Ibu bapa/keluarga tidak galakkan murid bertutur dalam Bahasa Melayu selain Bahasa Mandarin Ibu bapa menunjukkan sikap tidak mementingkan pelajaran Bahasa Melayu 						

PK4 pula menyebut tentang dorongan dan galakan yang diberi oleh ahli keluarga. Ahli keluarga yang memberikan dorongan dan galakan akan membentuk murid yang peka terhadap pembelajaran mereka.

- *...galakan dan sokongan dari ibu bapa adalah penting dalam mempengaruhi murid belajar. Ibu bapa yang selalu membimbing pembelajaran murid akan membentuk murid yang peka terhadap pembelajaran mereka. (PK4)*

PK5 pula menyatakan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membina

keyakinan diri murid serta menyediakan tempat yang kondusif untuk murid belajar.

- *Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membina keyakinan diri murid serta membina persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada murid. (PK5)*

Tuntasnya, berdasarkan pandangan yang diberi oleh kelima-lima peserta kajian di atas, faktor ibu bapa memang wujud dalam mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda semasa sesi PdP Bahasa Melayu.

Faktor Sikap Murid

Bagi objektif kedua iaitu meneroka faktor sikap dalam pengaruh bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu di SJKC, kelima-lima peserta kajian bersetuju bahawa

faktor sikap murid mempengaruhi murid dalam menggunakan bahasa ibunda dalam PdP Bahasa Melayu seperti yang dirujuk dalam Jadual 4.

JADUAL 4: Faktor Sikap Murid

Peserta Kajian	Faktor Sikap Murid
PK 1	/
PK 2	/
PK 3	/
PK 4	/
PK 5	/
PK 1	/

PK1 menyatakan bahawa murid tidak bersikap terbuka dalam menerima Bahasa Melayu tetapi hanya menggunakan bahasa yang mereka berasa selesa sahaja.

- *Murid perlu bersifat terbuka terhadap bahasa yang mungkin asing kerana mereka jarang menggunakan bahasa tersebut. (PK1)*

PK2 menyatakan bahawa sikap murid yang sambil lewa juga merupakan salah satu faktor murid tidak mahir dalam Bahasa Melayu.

- *Sikap murid yang sambil lewa semasa belajar Bahasa Melayu adalah satu faktor yang mempengaruhi murid. (PK2)*

PK3 menyatakan bahawa murid tidak berminat untuk belajar Bahasa Melayu serta beranggapan

bahawa Bahasa Melayu adalah tidak penting dalam kehidupan mereka.

- *...murid tidak minat akan pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu, maka guru akan menghadapi cabaran semasa mengajar mereka. (PK3)*

PK4 menyatakan bahawa sikap murid yang tidak yakin mampu mempengaruhi murid untuk menggunakan Bahasa Melayu semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

- *Sikap murid yang tidak yakin akan diri sendiri dari sebab kurang kebolehan dan keupayaan dalam Bahasa Melayu telah mengakibatkan murid lebih rela menggunakan bahasa ibunda mereka untuk melahirkan fikiran serta menjawab soalan yang diberi. (PK4)*

PK5 pula menyatakan bahawa sikap murid yang tidak menumpukan perhatian semasa pengajaran guru mengakibatkan murid lemah dalam penguasaan Bahasa Melayu turut menjadikan murid tidak dapat menggunakan Bahasa Melayu semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berlangsung.

- *Murid sering kali tidak menumpukan perhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran*

Bahasa Melayu berlaku. Murid tidak fokus terhadap pengajaran guru malah bersikap tidak peduli akan aktiviti yang dijalankan. (PK5)

Tuntasnya, berdasarkan pandangan yang diberi oleh kelima-lima peserta kajian di atas, faktor sikap murid memang wujud dalam mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda semasa sesi PdP Bahasa Melayu.

Faktor Rakan

Bagi objektif ketiga iaitu meneroka faktor rakan dalam pengaruh bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu di SJK Cina, kelima-lima peserta kajian bersetuju

bahawa faktor rakan mempengaruhi murid dalam menggunakan bahasa ibunda dalam PdP Bahasa Melayu.

JADUAL 4: Faktor Rakan

Peserta Kajian	Faktor Rakan
PK 1	/
PK 2	/
PK 3	/
PK 4	/
PK 5	/
PK 1	/

PK1 menyatakan bahawa rakan banyak mempengaruhi penggunaan bahasa dalam sesi PdP kerana rakan merupakan agen komunikasi di sekolah.

- *Rakan merupakan agen komunikasi murid di sekolah. Oleh sebab itu, rakan memainkan peranan penting dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu. (PK1)*

PK2 menyatakan bahawa rakan sebaya merupakan faktor yang mempengaruhi murid dalam menggunakan bahasa ibunda dalam sesi PdP Bahasa Melayu. Murid akan terikut-ikut dengan gaya penyampaian rakannya.

...murid mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya mereka. Apa yang dilakukan oleh rakan sebaya akan mereka ikuti. (PK2)

PK3 menyatakan bahawa murid SJKC lebih suka berkawan dengan kawan yang sama bangsa. Penggunaan bahasa ibunda antara kawan akan lebih mudah untuk berkomunikasi.

- *Mereka suka mengikuti rakan mereka yang sama bangsa supaya mereka dapat berkomunikasi*

dengan lebih mudah dengan bahasa ibunda mereka. (PK3)

PK 4 menyatakan bahawa murid SJKC kurang bergaul dengan murid berbangsa lain. Mereka berasa malu dan tidak yakin untuk bertutur dalam Bahasa Melayu.

- *Mereka berasa malu dan tidak yakin untuk bertutur dalam Bahasa Melayu dengan kawan-kawan yang berbangsa lain. (PK4)*

PK5 pula menyatakan bahawa rakan sebaya yang baik akan mendorong murid ke arah baik manakala sebaliknya akan mengakibatkan murid ke arah negatif.

- *Rakan sebaya yang baik dapat mendorong murid ke arah kecemerlangan manakala rakan yang pasif dan malas akan mengakibatkan murid terjejas dengan sikap rakannya itu. (PK5)*

Tuntasnya, berdasarkan pandangan yang diberi oleh kelima-lima peserta kajian di atas, faktor rakan sebaya memang wujud dalam mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda semasa sesi PdP Bahasa Melayu.

Faktor Masyarakat

Bagi objektif keempat, iaitu meneroka faktor masyarakat dalam pengaruh bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu di SJK Cina, kelima-lima peserta

kajian bersetuju bahawa faktor masyarakat mempengaruhi murid dalam menggunakan bahasa ibunda dalam PdP Bahasa Melayu.

JADUAL 4: Faktor Masyarakat

Peserta Kajian	Faktor Masyarakat
PK 1	/
PK 2	/
PK 3	/
PK 4	/
PK 5	/
PK 1	/

PK1 menyatakan bahawa murid yang selalu berkomunikasi dalam masyarakat yang menutur bahasa ibunda murid akan mengakibatkan murid susah untuk menerima bahasa kedua.

- *...melihat murid yang datang daripada masyarakat yang banyak menggunakan bahasa ibunda susah untuk mempelajari dan menerima penggunaan Bahasa Melayu. (PK1)*

PK2 juga menyatakan masyarakat yang boleh mempengaruhi murid ialah masyarakat yang terdiri daripada kalangan guru. Pengajaran guru yang tidak menarik akan mengakibatkan murid berasa bosan dan jemu semasa pengajaran guru.

- *...guru merupakan masyarakat yang banyak mempengaruhi murid. Pengajaran guru yang tidak menarik akan mengurangkan minat murid untuk belajar. (PK2)*

PK3 juga menyatakan masyarakat yang terdiri daripada pihak sekolah juga boleh mempengaruhi murid menggunakan bahasa ibunda semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

- *Pihak sekolah yang tidak menggalakkan murid supaya lebih membaca buku cerita Bahasa Melayu, menjalankan aktiviti yang*

memartabatkan Bahasa Melayu serta kursus-kursus yang menarik untuk menarik minat murid dalam mempelajari Bahasa Melayu. (PK3)

PK4 menyatakan bahawa budaya sesebuah masyarakat mampu mempengaruhi murid dalam menggunakan bahasa ibunda dalam PdP Bahasa Melayu.

- *Dalam kalangan masyarakat yang berbangsa Cina, biasanya bahasa yang digunakan semasa petuturan adalah bahasa ibunda mereka. (PK 4)*

PK5 menyatakan bahawa masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia mempunyai bahasa ibunda tersendiri, asal usul murid dari masyarakat tersebut akan mempengaruhi murid dalam menggunakan bahasa ibunda dalam PdP Bahasa Melayu.

- *...asal usul murid dari masyarakat tersebut akan mempengaruhi murid menggunakan bahasa ibundanya semasa sesi PdP. (PK5)*

Tuntasnya, berdasarkan pandangan yang diberi oleh kelima-lima peserta kajian di atas, faktor masyarakat memang wujud dalam mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda semasa sesi PdP Bahasa Melayu.

PERBINCANGAN

Dalam kajian yang dijalankan, kelima-lima peserta kajian yang merupakan guru Bahasa Melayu di negeri Terengganu bersetuju bahawa faktor keluarga, faktor sikap murid, faktor rakan serta faktor masyarakat mampu mempengaruhi murid dalam menggunakan bahasa ibunda semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Murid lebih cenderung dalam menggunakan bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu adalah disebabkan penguasaan Bahasa Melayu yang sangat lemah. Pernyataan ini disokong oleh Zamri (2020) yang menyatakan bahawa murid-murid bukan Melayu lemah dalam penguasaan Bahasa Melayu kerana mereka beranggapan bahawa mata pelajaran ini tidak penting untuk dikuasai.

Faktor keluarga juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi murid menggunakan

bahasa ibunda dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan temu bual ini menunjukkan bahawa ibu bapa yang tidak memberikan motivasi serta galakan kepada murid untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu mengakibatkan murid hanya bercakap dalam bahasa ibunda sahaja semasa berada di rumah. Hal ini adalah sama seperti yang dinyatakan dalam kajian Abdull Sukor et al. (2011) yang menunjukkan bahawa ibu bapa tidak memainkan peranan untuk membantu pembelajaran anak-anak mereka. Tiada motivasi diberikan kepada murid-murid semasa murid membuat kerja rumah atau mengulang kaji pelajaran. Hasil temu bual juga mendapati bahawa sikap ibu bapa yang tidak mementingkan Bahasa Melayu juga merupakan salah satu faktor timbulnya isu penggunaan bahasa ibunda. Ibu bapa tidak memberikan dorongan dan galakan

kepada murid turut mengakibatkan kekurangan keyakinan diri dalam diri murid. Hasil dapatan ini adalah selaras dengan kajian Aman Shah et al. (2021) yang menyatakan kepekaan ibu bapa terhadap pembelajaran murid akan mendorong dan menggalakkan murid untuk belajar serta menyediakan persekitaran pembelajaran yang positif untuk murid belajar.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor sikap murid turut mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah. Sikap murid yang tidak minat serta sambil lewa terhadap Bahasa Melayu telah mengakibatkan murid lemah dalam penguasaan kemahiran Bahasa Melayu. Hasil kajian yang diperoleh daripada kajian Siti Salwah dan Jamaludin (2013) juga menunjukkan bahawa masih terdapat ramai murid bukan Melayu yang bersikap negatif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Sekiranya murid memandang rendah atau tidak mengambil berat tentang pembelajaran Bahasa Melayu, mereka akan mengalami banyak masalah ketika menggunakan Bahasa Melayu. Kesan negatif sikap murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu boleh dilihat dalam kajian Mohamad Yazid (2016) yang mendapati murid-murid bukan Melayu beranggapan mempelajari Bahasa Melayu tidak penting mempunyai penguasaan Bahasa Melayu yang lemah.

Faktor rakan juga merupakan salah satu faktor yang didapati dalam kajian ini. Murid- murid adalah lebih mudah terikut-ikut dengan rakan sebaya mereka. Murid-murid sering kali menggunakan bahasa ibunda untuk berkomunikasi dengan rakan-rakannya kerana menggunakan bahasa ibunda untuk berkomunikasi adalah lebih mudah berbanding menggunakan Bahasa Melayu yang mereka kurang

mahir. Selain itu, dapatan temu bual juga mendapati bahawa murid- murid mudah terikut dengan tingkah laku rakannya. Hasil dapatan ini selaras dengan dapatan kajian Abdull Sukor et al. (2011) yang menunjukkan pengaruh rakan sebaya dapat mempengaruhi murid-murid dalam tingkah laku mereka kerana murid-murid mudah terikut-ikut akan sikap rakan sebaya mereka. Namun, dalam kajian Abdul Kalam dan Hassena Banu (2016), faktor rakan sebaya juga dapat mendorong kepada perubahan sikap dan tingkah laku murid dalam semua aspek termasuklah dalam penguasaan bahasa kedua.

Dalam dapatan kajian ini, faktor masyarakat merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi murid menggunakan bahasa ibunda semasa PdPBahasa Melayu. Selain itu, peranan pihak sekolah juga boleh mempengaruhi murid menggunakan bahasa ibunda semasa PdP Bahasa Melayu. Peranan pihak sekolah yang tidak menyediakan kemudahan belajar yang kondusif seperti bahan bacaan Bahasa Melayu akan mengakibatkan murid kekurangan peluang untuk belajar Bahasa Melayu. Masyarakat yang tidak menggunakan Bahasa Melayu menyukarkan murid untuk berlatih bertutur dalam Bahasa Melayu. Masyarakat memainkan peranan yang penting dalam pengajaran kemahiran bahasa. Dapatan kajian ini turut menyokong dapatan kajian Dayang Sufikawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna (2017) yang menyatakan bahawa persekitaran yang menggunakan bahasa ibunda tidak dapat membantu para murid masing untuk mempraktikkan Bahasa Melayu. Malah, Zamri (2022, 2023), berpendapat bahawa proses pembelajaran Bahasa Melayu perlu berlangsung di luar bilik darjah bagi mendedahkan murid kepada situasi sebenar yang menggunakan Bahasa Melayu semasa pertuturan.

IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan data yang telah dikumpulkan, tahap penguasaan kemahiran bertutur bagi murid bukan penutur natif di SJKC adalah amat membimbangkan. Pihak-pihak yang terlibat contohnya seperti keluarga murid itu sendiri, pihak sekolah, guru dan masyarakat perlu bersama-sama dalam mengambil langkah untuk memastikan murid bukan penutur natif di SJKC mampu berbahasa Melayu dengan

baik. Bagi murid bukan penutur natif, mereka memerlukan rangsangan yang lebih kuat dalam mempelajari bahasa kedua berbanding penguasaan mereka semasa mempelajari bahasa pertama mereka iaitu bahasa ibunda. Implikasi yang berlaku sekiranya perkara ini tidak diambil berat dalam kalangan murid SJKC adalah seperti berikut:

Menjejaskan Pembelajaran di Peringkat Institusi Pendidikan Tinggi

Murid pada masa kini semakin didedahkan dengan pelbagai bahasa yang mengakibatkan mereka mula menggunakan bahasa rojak dalam kehidupan seharian. Takrifan bahasa rojak adalah suatu percakapan yang menggunakan pelbagai jenis bahasa semasa bertutur. Kadangkala hal ini turut berlaku dalam penulisan mereka kerana tidak mengingati istilah yang ingin ditulis dalam bahasa yang sepatutnya. Murid pada masa kini turut

menggunakan bahasa ringkas dalam berkomunikasi menggunakan sistem penghantaran pesanan ringkas contohnya seperti *Whatsapp*, *Telegram*, *Twitter* dan pelbagai aplikasi lain yang digunakan untuk berhubung antara satu dengan yang lain. Hal ini akan sedikit sebanyak menjejaskan pembelajaran murid-murid itu sekiranya dapat menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Kepupusan Minat Murid di SJKC terhadap Bahasa Melayu

Berdasarkan pengetahuan rakyat Malaysia, Bahasa Melayu adalah satu bahasa rasmi yang digunakan di negara ini. Sekiranya pihak sekolah SJKC terutamanya pihak Panitia Bahasa Melayu tidak mengambil berat dan menekankan penggunaan bahasa di sekolah ini, kepupusan minat murid akan berlaku. Murid mula tidak mengendahkan dan tidak lagi berminat untuk menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi. Mereka juga tidak lagi

berusaha untuk memperbetulkan sebutan mereka sekiranya perkara ini dipandang ringan oleh pelbagai pihak. Kegagalan murid-murid bertutur dan menggunakan Bahasa Melayu dengan baik sepatutnya memberi tamparan yang hebat kepada para guru kerana hal ini menjejaskan dan menguji kewibawaan negara dalam memartabatkan Bahasa Melayu di negara ini.

Persepsi Buruk oleh Masyarakat Luar

Masyarakat luar yang datang ke Malaysia pastinya akan mempelajari Bahasa Melayu untuk bertutur. Mereka turut menghadiri kelas tambahan bagi mempelajari bahasa ini. Ada beberapa orang daripada mereka yang membuat kajian ke atas Bahasa Melayu, mampu untuk menyampaikan pidato dengan baik menggunakan Bahasa Melayu. Hal ini sedikit sebanyak mendatangkan persepsi

yang buruk pada pandangan masyarakat luar sekiranya masih ramai warganegara yang masih tidak mampu bertutur menggunakan Bahasa Melayu dengan baik. Perkara ini menunjukkan besarnya tugas guru bagi menghasilkan murid bukan penutur natif dalam menggunakan Bahasa Melayu di sekolah ataupun di luar sekolah dengan baik.

LANGKAH PENYELESAIAN

Kesalahan bahasa yang sering dilakukan oleh penutur bukan natif adalah amat berbeza contohnya adalah seperti kesalahan penggunaan perkataan dan istilah, tatabahasa, ejaan dan juga sebutan. Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan (Corder 1981) menjelaskan terdapat empat kategori kesalahan bahasa, iaitu pengguguran unsur yang

perlu, penambahan unsur yang tidak perlu, penyusunan unsur yang salah, dan kesalahan dalam bidang linguistik seperti morfologi, sintaksis dan lesikon. Pendedahan terhadap kemahiran bertutur secara tidak formal juga penting dalam kehidupan seharian. Berikut adalah beberapa langkah penyelesaian yang dibincangkan:

Guru dan Pihak Sekolah yang Berkemahiran

Pelbagai usaha perlu dijalankan pelbagai usaha dalam meningkatkan kemahiran pelajar dalam penggunaan Bahasa Melayu. Guru Bahasa Melayu merupakan orang paling terpengaruh yang mampu menjadi model kepada murid-murid. Guru seharusnya sentiasa menekankan penglibatan murid untuk berinteraksi secara langsung dengan pekerja natif di sekolah contohnya seperti pengawal keselamatan, pembantu tadbir dan pekerja kantin. Interaksi aktif secara tidak langsung dengan dunia luar mampu merangsang proses murid dalam mencapai tahap yang baik dalam penggunaan Bahasa Melayu. Guru juga harus menggalakkan murid menggunakan Bahasa Melayu di luar kelas contohnya di rumah, di pasaraya dan lain-lain lagi.

Bertutur dengan kerap dalam Bahasa Melayu mampu meningkatkan kemahiran bertutur yang paling berkesan. Antara lain, aktiviti membaca buku Bahasa Melayu juga mampu meningkatkan kemahiran murid dalam penggunaan Bahasa Melayu. Tambahan kosa kata boleh berlaku dalam pelbagai cara dan situasi. Kosa kata adalah sesuatu yang penting dalam menguasai kemahiran ini. Hal ini akan mendatangkan minat dan semangat kepada murid untuk mengetahui perkataan atau ayat baharu.

Guru juga perlu mendedahkan gaya bahasa berkomunikasi secara berkesan dalam pelbagai konteks sebelum dikatakan cekap dan mahir berbahasa. Bagi meningkatkan penambahan dalam perbendaharaan kata, murid bukan penutur natif memerlukan rangsangan yang kuat oleh pihak guru dan sekolah.

Pihak sekolah boleh juga memperbanyakkan program-program dan bahan bacaan yang melibatkan anjuran di bawah panitia Bahasa Melayu. Pihak panitia boleh bekerjasama dengan Pusat Sumber Sekolah bagi merealisasikan aktiviti yang melibatkan penggunaan Bahasa Melayu. Pusat Sumber Sekolah perlu menyediakan pelbagai bahan bacaan Bahasa Melayu yang berbentuk buku cerita, majalah dan akhbar untuk dibaca oleh murid bagi menggalakkan murid bukan penutur natif mencintai Bahasa Melayu. Pihak sekolah boleh membangunkan satu slot di mana murid-murid yang telah selesai membaca buku itu untuk membuat penceritaan semula atau berkongsi hasil bacaan di hadapan rakan-rakan dengan hanya menggunakan Bahasa Melayu. Hal ini sekali gus menambahkan kosa kata dalam berkomunikasi dan membangunkan ayat dalam kalangan murid. Selain itu, program ini mampu

membantu dan meningkatkan keyakinan murid bukan Melayu dalam menggunakan Bahasa Melayu dengan baik.

Sikap dan Minat Murid

Keupayaan dan kejayaan murid dalam mencapai keputusan cemerlang dalam kemahiran penggunaan Bahasa Melayu dipengaruhi oleh strategi dan kaedah yang digunakan oleh mereka. Bertutur menggunakan Bahasa Melayu secara tidak formal dengan rakan-rakan, guru-guru dan pekerja-pekerja lain mampu memberi kebiasaan kepada murid bukan penutur natif. Antara kaedah lain, kebanyakan mereka menguasai kemahiran penggunaan Bahasa Melayu dengan kaedah meniru dan mengajuk kepada penutur natif. Murid-murid juga perlu mencari inisiatif lain untuk menambahkan ilmu dalam menguasai kemahiran

berbahasa ini. Guru-guru juga boleh menggalakkan murid dengan membuat peraturan di mana murid akan dikenakan denda sekiranya menggunakan selain Bahasa Melayu di dalam kelas. Guru boleh memberikan ganjaran kepada murid yang mampu mematuhi peraturan yang diberikan. Selain itu, guru-guru juga perlu meluangkan masa bersama murid-murid dan membantu mereka menyemak kesalahan Bahasa Melayu yang digunakan. Dorongan rakan-rakan juga mampu menjadikan seseorang murid itu mampu berbahasa Melayu.

Pengaruh Bahasa Inggeris

Dewasa kini, penggunaan dwibahasa sebagai bahasa pertuturan di rumah bukanlah sesuatu perkara yang baharu. Pengaruh pemodenan pada masa kini menjadikan rakyat Malaysia perlu juga mampu menggunakan bahasa Inggeris dalam sistem interaksi seharian kerana bahasa ini juga adalah bahasa untuk berkomunikasi secara lebih meluas. Bahasa Inggeris dikenali sebagai bahasa antarabangsa. Kelemahan murid di Malaysia dalam menguasai bahasa Inggeris mula menjadi isu, tetapi sebaliknya pula berlaku kepada penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama di Malaysia dalam kalangan murid bukan

Melayu terutamanya di SJKC. Proses globalisasi secara menyeluruh berlaku kerana adanya arus pemodenan. Hal ini menjadi alasan kepada seluruh rakyat Malaysia untuk mengetahui penggunaan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian. Proses ini sedikit sebanyak mengganggu usaha memantapkan penggunaan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah yang majoriti muridnya ialah murid bukan Melayu. Penggunaan bahasa di sekolah sebaiknya tidak dicampuradukkan bagi melancarkan proses meningkatkan kemahiran bertutur dan menggunakan Bahasa Melayu dengan baik sepanjang sesi PdP di SJKC.

Kegagalan Menguasai Bahasa Melayu sebagai Bahasa Komunikasi

Kemerosotan penggunaan Bahasa Melayu adalah berpunca daripada kegagalan murid dan guru untuk menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi. Terdapat ramai murid terutama murid bukan Melayu yang lulus dalam subjek ini tetapi gagal untuk berkomunikasi dengan baik. Murid-murid ini menerima keputusan yang baik adalah kerana fokus mereka terhadap Bahasa Melayu adalah lebih kepada menghafal kosa kata dan hanya digunakan untuk peperiksaan sahaja dan bukannya semasa berkomunikasi. Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2018) menunjukkan kajiannya terhadap pelajar bangsa asing dewasa yang cenderung menghafal kosa kata dan mengamalkan terjemahan

langsung daripada bahasa jati masing-masing untuk melancarkan perbualan dalam bahasa kedua.

Kegagalan ini juga berlaku diakibatkan oleh guru-guru yang tidak memartabatkan Bahasa Melayu dalam pendidikan. Budaya berbahasa Melayu yang betul seharusnya diterapkan oleh para guru di sekolah. Hal ini adalah bagi mengelakkan murid-murid menerima ilmu yang mengelirukan mereka. Bagi kebanyakan murid bukan Melayu, Bahasa Melayu bukanlah bahasa pertama mereka tetapi mereka perlu mempelajarinya kerana mereka dilahirkan di Tanah Melayu, iaitu Malaysia. Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kedua, manakala bahasa Inggeris sebagai bahasa ketiga mereka.

Pengaruh Bahasa Ibunda

Gangguan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif berlaku adalah kerana kebiasaan mereka dalam mengujar bahasa ibunda mereka. Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2018) menjelaskan bahawa gangguan adalah merujuk kepada situasi penguasaan bahasa yang kuat atau bahasa yang lebih dominan kepada seseorang

terhadap bahasa yang lemah. Seseorang yang mampu membuat kaedah bahasa yang paling mudah difahami mampu mendominasi kedua-dua bahasa dengan mudah iaitu bahasa ibunda dan Bahasa Melayu. Pelbagai cabaran berlaku kepada murid di SJKC dalam mempelajari kemahiran dalam penggunaan Bahasa Melayu.

Penggunaan bahasa ibunda ibarat satu tabiat lama yang sukar dibuang kerana bahasa ibunda adalah bahasa pertama yang dipelajari bermula sejak lahir. Berlaku gangguan berpunca daripada bahasa pertama mereka dalam mendalami kemahiran berbahasa Melayu. Kajian selari dengan dapatan Awang Sariyan (2011) terhadap pelajar Cina dari universiti di negara China yang mana mengalami masalah sebutan dan tatabahasa semasa bertutur kerana terdapat perbezaan yang ketara antara Bahasa Melayu dengan bahasa Cina.

Intonasi dan cara sebutan yang berbeza juga turut mengganggu proses murid-murid dalam proses penggunaan Bahasa Melayu. Dalam menangani hal ini, guru-guru Bahasa Melayu perlulah menunjukkan contoh terbaik sepanjang sesi PdP. Tidak ada bahasa rojak digunakan. Jika keadaan ini mampu dibendung, pastinya proses penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC mampu direalisasikan dan sekali gus menghasilkan murid yang mampu mencintai negara dimana Bahasa Melayu digunakan secara rasmi.

Kekurangan Buku Rujukan dalam Bahasa Melayu

Dalam melancarkan proses kemahiran penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJKC, tentulah rutin membaca membantu murid-murid menggunakan Bahasa Melayu dengan baik. Kekurangan bahan-bahan bacaan turut menjadi masalah di sekolah terbabit. Kebanyakan buku rujukan adalah ditulis menggunakan bahasa Inggeris. Hal ini sedikit sebanyak mengganggu murid untuk

menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Pusat sumber sekolah seharusnya memastikan seksyen koleksi buku Bahasa Melayu diperbanyakkan. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) adalah satu badan berkanun yang ditubuhkan bagi mengawal proses pembuatan buku yang dihasilkan dan membantu pihak KPM dalam memantapkan Bahasa Melayu dalam bidang pendidikan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil analisis data secara mendalam untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu dalam SJKC di negeri Terengganu. Faktor keluarga, faktor sikap murid, faktor rakan serta faktor masyarakat memang merupakan perkara yang mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu dalam SJKC di negeri Terengganu.

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membina keyakinan diri murid serta

persekitaran yang kondusif untuk murid belajar. Sikap ibu bapa yang negatif mampu menghasilkan murid yang bertingkah laku negatif juga. Pemilihan rakan sebaya yang baik juga mampu menjejaskan murid ke arah yang lebih baik. Oleh itu, bagi memperbaiki masalah penggunaan bahasa ibunda dalam PdP Bahasa Melayu, ibu bapa, rakan sebaya, guru-guru serta murid itu sendiri perlu mengambil inisiatif dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Kalam & Haseena Banu. 2016. Pengaruh persekitaran sosial terhadap tingkah laku disiplin murid sekolah rendah di Klang, Selangor, Malaysia. *Fakulti Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia*.
- Abdull Sukur Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali & Mohd Hasani Dali. 2011. Kanak-Kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2): 59-70.
- Ahmed Hafizainol Ahmed Idris & Karim harun. 2020. Penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Pondok Bantan, Thailand. *Jurnal Melayu, Isu Khas*, 457-477.
- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. 2019. Faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(3): 23-30.
- Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod & Mohammed Azlan Mis. 2021. Masalah murid etnik Bajau dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Borneo International Journal*, 4(3): 26-36.
- Awang Sariyan. 2011. Pengajian Melayu di China (Bahagian 1): Hubungan Ketamadunan. <https://klikweb.dbp.my/?p=1799> (Diakses pada 21 Februari 2024)
- Bandura, A. 1986. *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Chew Fong Peng. 2023. Hubungan antara persepsi, sikap dan pencapaian Bahasa Melayu murid-murid Cina di Sekolah Kebangsaan Cina Pilihan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1): 41-59.
- Chew Fong Peng & Mohamad Adham Kamarulzaman. 2022. Kefahaman dan kesediaan guru dalam pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Melayu di sekolah jenis

- kebangsaan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(2): 116-141
- Chew Fong Peng. 2016. Masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2): 10-22.
- Corder, S.P. 1981. *Error Analysis and Interlanguage*. London: Oxford University Press.
- Dayang Sufikawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. 2017. Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1): 74-84.
- Faridah Nazir. 2023. Pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid-murid asli suku kaum Temuan ketika pembelajaran Bahasa Melayu. *Language for Specific Purposes International Journal*, 10(1): 73-90.
- Haizah Bukari & Norazana Awang Kechik. 2022. Pengaruh bahasa ibunda terhadap kemahiran bertutur dalam kalangan murid India di sebuah sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1): 63-71.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
- Khairul Nizam Mohamed Zuki. (2017). Penerimaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 6(10): 1-11
- Mairin Gosman, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Azmain Saharin & Siti Rozana Sali. 2020. Hubungan penglibatan ibu bapa dan peranan guru dengan pencapaian akademik pelajar sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences*, 4(1): 1-12.
- Mohamad Yazid Mohamad. 2016. Kekerapan penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Mohd Saiful Othman & Nor Azwahanum Nor Shaid. 2021. Isu dan cabaran guru Cina dalam pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (16): 1-15.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar. 2018. Kekangan pelajar dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa asing. International Conference on the Teaching and Learning of Language 2017 at Kuching Sarawak. https://www.researchgate.net/publication/326548936_Kekangan_Pelajar_dalam_Mempelajari_Bahasa_Melayu_sebagai_Bahasa_Asing (Diakses pada 21 Februari 2024)
- Nor'Azian Nahar & Fadzilah Abd Rahman. 2018. Tahap penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1): 74-83.
- Nora'azian Nahar. 2018. Tahap profisiensi Bahasa Melayu dan hubungannya dengan status sosioekonomi, motivasi belajar dan pencapaian akademik dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah jenis kebangsaan. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Noradilah Aziz & Lai Wei Sieng. 2019. Impak pendidikan berasaskan teknologi terhadap peningkatan prestasi pelajar di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(1): 69-75.
- Nur Fatin Zulkifli. 2017. Tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar Cina di Sebuah Sekolah Menengah Persendirian Cina Klang. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Nurhidayah Mat Husin & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2023. Penguasaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid Tahun 1 di SJKC dari perspektif guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1): 279-292.
- Nurhijrah Zakaria, Zuria Mahmud & Mohd Mahzan Awang. 2020. Penggunaan Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah realiti dan cabaran di sekolah pelbagai etnik. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu Kedua 2019 (SAPBaSBuM 2 2019)*, hlm. 1152-1166. Serdang: Penerbitan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Siti Salwah Atan & Jamaludin Badusah. 2013. Aplikasi rangkaian sosial *Google Plus* dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1): 31-41.
- Suresh Kumar N Vellymalay. 2014. Bahasa interaksi dan hubungan antara etnik dala kalngan murid di bilik darjah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(3): 14-28.
- Sylvester Lau Yueh Wei, Alizah Lambri & Rosliah Kiting. 2020. Penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu murid bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak. *Journal of Social Science*, 6(1): 33-42.
- Tan, H.H. 2021. Permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Batu Pahat Johor. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Tan, P.K. 2018. Enhancing language education in Malaysia: Policies and initiatives. *Asian Englishes*, 20(2): 107-121.
- Tan Shi Yun & Ruslin Amir. 2018. Hubungan antara faktor persekitaran sosial dengan pencapaian Bahasa Melayu Murid Cina SJKC di Kuala Kangsar. *Proceeding of the 30th Australian Computer-Human Interaction (OzCHI'18)*, pp. 300-314. Melbourne
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Cetakan Ketiga*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. 2020. *Sosiolinguistik dan Pengajaran Bahasa. Cetakan Keempat*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. 2022. *Linguistik Terapan dan Pengajaran Bahasa. Edisi Kedua*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. 2023. *Kaedah Mengajar Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuraini Ramli. 2018. *Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.